

4 JAN 1996

FORUM PERDAGANGAN AUSTRALIA-M'SIA PADA 16 JAN

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Satu forum perdagangan Australia-Malaysia yang memaparkan kerja sama perdagangannya di antara kedua-dua negara akan diadakan di sini pada 16 Jan bersempena dengan lawatan Perdana Menteri Australia Paul Keating.

Mirzan Mahathir, presiden Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), penganjur bersama forum itu, berkata hari ini bahawa ia akan memperkukuhkan lagi perhubungan rapat di antara Australia dan Malaysia, terutamanya dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

Katanya forum itu akan dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi Australia dengan kerja sama Majlis Perdagangan Malaysia-Australia (MABC) dan ASLI.

Keating akan menyampaikan ucapan penting mengenai "Memperkukuhkan Perhubungan Perdagangan dan Ekonomi Australia dengan Malaysia: Menuju ke Hadapan" pada forum itu. Ucapan itu akan merupakan acara utama lawatan Keating.

Semasa forum itu, beberapa memorandum persefahaman akan ditandatangani di antara kedua-dua negara, beliau memberitahu satu persidangan berita di sini. -- BERNAMA